

Tiga projek 'masa depan'

■ Penyerap pokok kiambang, penapis air bawah tanah, racun anai-anai julang nama pensyarah

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@mediaprima.com.my
Kuantan

Tiga projek mesra alam dipertandingkan pada Festival Anugerah Pencipta Sedunia (WIAF) di Korea Selatan baru-baru ini, membawa tuah kepada pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam Universiti Malaysia Pahang (UMP) Abdul Syukor Abd Razak apabila berjaya menerima anugerah 'World Inventor Grand Order of Merit'.

Abdul Syukor berkata, tiga projek

dipertandingkan merangkumi pokok kiambang digunakan untuk menyerap bahan buangan seperti sisa industri dan domestik dalam air.

"Dua lagi projek ialah penapis air bawah tanah termasuk hujan bagi kegunaan manusia serta produk mencegah pembiakan serutusnya membunuh anai-anai dihasilkan daripada tandan kelapa sawit kosong sebagai medium utama.

"Tiga projek dipertanding mem-

bawa tuah begitu bermakna kepada saya apabila dianugerahkan World Inventor Grand Order of Merit yang

disampaikan Presiden Korea Invention News (KINews), Hong Soung Mo," katanya.

Beliau yang la-pan tahun menjadi pensyarah di UMP tidak menyangka percubaan perta-ma beroleh kejayaan membangga-kan seterusnya meletakkan Malaysia sebaris negara maju seperti Jepun,

Amerika Syarikat, China dan Itali.

Menurutnya, sokongan diberikan UMP menambahkan lagi semangat menghasilkan lebih banyak ciptaan mesra alam yang tidak memerlukan kos tinggi untuk dilaksanakan.

"Saya berbangga tiga projek ini sudah dikomersialkan dan usaha memperkenalkannya dilakukan pihak UMP yang mempunyai hak sepenuhnya terhadap produk berkenaan.

"Tidak mustahil suatu hari nanti, projek ini diterima negara luar yang kini terus memperjuangkan produk mesra alam," katanya yang sebe-

lum ini menerima anugerah Kementerian Pengajian Tinggi dan Anugerah Kemasyarakatan UMP.

Sementara itu, Naib Canselor UMP Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kejayaan penyelidikan UMP di pentas antarabangsa mampu meletakkan negara pada kedudukan terbaik.

"Saya berharap kejayaan beliau memberi suntikan semangat kepada penyelidik lain untuk terus berusaha menghasilkan kajian dan penyelidikan yang mampu memberikan kesan berkualiti tinggi serta diiktiraf dunia," katanya.

“Tiga projek dipertanding membawa tuah begitu bermakna kepada saya”

Abdul Syukor



ABDUL Syukor menunjukkan racun anai-anai yang dicipta.



ABDUL Syukor menunjukkan air yang dihasilkan menggunakan penapis air bawah tanah.